




SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI KARANGAN  
09410, PADANG SERAI, KEDAH DARUL AMAN.

*Peperiksaan Percubaan 2019*  
**SKEMA JAWAPAN**  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 1



Disediakan oleh :  
**Meganathan a/l Lachimanan**  
Guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 5

## **PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**

### **TUJUAN PENGUJIAN**

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam ;

- a. membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- b. melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- c. menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- d. menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

### **LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN**

- a. Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- b. Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**  
**[30 markah]**  
**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<p><b>26 – 30</b></p> <p>atas (28 – 30)</p> <p>(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b><u>tepat.</u></b></li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b><u>ungkapan yang menarik</u></b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b><u>matang.</u></b></li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<p><b>20 – 25</b></p> <p>atas (23 – 25)</p> <p>(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b><u>luas.</u></b></li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b><u>jelas.</u></b></li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Memuaskan</b>	<p><b>15 – 19</b></p> <p>atas (17 – 19)</p> <p>(15 – 16) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>masih</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>masih</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b><u>masih</u></b> betul dan tepat. Ejaan <b><u>masih</u></b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b><u>masih</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>masih</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>masih</u></b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b><u>masih</u></b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	<p><b>10 – 14</b></p> <p>atas (12 – 14)</p> <p>(10 – 11) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>kurang</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>kurang</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b><u>kesalahan ejaan yang ketara</u></b>. Penggunaan kosa kata <b><u>terhad</u></b>.</li> <li>• Wacana <b><u>kurang</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>kurang</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>kurang relevan</u></b> dengan tema bahan rangsangan dan huraian <b><u>kurang jelas</u></b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimum</b>	<p><b>01 – 09</b></p> <p>atas (06 – 09)</p> <p>(01 – 05) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b><u>tidak</u></b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b><u>Banyak</u></b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b><u>tidak</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

**Ungkapan Menarik :** peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka  
[100 markah]**

**PERINCIAN PEMARKAHAN**

**Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa.
  - b. Terlalu panjang-periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

## KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis)</li><li>• Tanda baca</li><li>• Ejaan</li></ul>
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemilihan kosa kata</li></ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tema</li><li>• Isi utama</li><li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li><li>• Kerelevanan</li></ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wacana</li><li>• Logik</li><li>• Pemerenggan</li><li>• Format</li></ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keindahan bahasa</li><li>• Ungkapan</li><li>• Peribahasa</li></ul>

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis.</li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li>• <b><u>Idea relevan</u></b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa bervariasi</u></b></li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul</li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li>• <b><u>Idea relevan</u></b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih bervariasi</u></b>.</li> </ul> <p><b><u>Gaya bahasa masih</u></b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</p>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	<p>51 - 65</p> <p>(58 – 65)</p> <p>(51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan masih</b> menarik, dan pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b>Wacana masih</b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p>36 – 50</p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li> <li>• Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li>• <b>Laras bahasa kurang</b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan terhad.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan kurang</b> menarik, pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b>Wacana masih / kurang</b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang</b> bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata</b> kurang tepat.</li> <li>• Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b>.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang <b>ketara</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang <b>ketara</b>.</li> <li>• <b>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

- **Ungkapan Menarik** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

#### Cara menulis

Keseluruhan	-	Peringkat markah	Contoh	K	-	75
- Ejaan	-	Maksimum 3 markah		- E	-	03
- Format	-	Maksimum 2 markah		- F	-	02
						_____
Jumlah	-	Markah bersih		J	-	70